

Muhammad Fazrul pelajar terbaik PT3 SMK Ranche-Ranche

LABUAN: Muhammad Fazrul Hisyam Fauzi muncul pelajar terbaik Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) SMK Ranche-Ranche 2016.

Dia yang mendapat 7A 2B 1C adalah antara tiga calon yang memperoleh keputusan cemerlang daripada 42 calon yang menduduki PT3 di SMK Ranche-Ranche pada tahun ini.

Dua lagi calon yang mendapat keputusan cemerlang itu ialah Nurul Ateyrah Yusaili 7A 1C 3D dan Nur Hazirah Aqila Hassim 7A 1B 2C 1D.

Tarikh 19 Disember 2016 akan menjadi kenangan abadi buat seluruh warga sekolah kerana buat pertama kalinya Majlis Penyerahan Keputusan Pentaksiran Tingkatan 3 diadakan Dewan Terbuka SMK Ranche-Ranche, bermula jam 9 pagi.

SMK Ranche-Ranche menunjukkan keputusan berprestasi baik dan cemerlang dengan mendapat Gred Purata Sekolah (GPS) 3.26.

"Pencapaian ini amat membanggakan memandangkan ia merupakan pencapaian pertama dalam PT3



OMAR Baki menyampaikan taklimat kepada pelajar Hala Tuju Cemerlang sebelum majlis penyerahan pelaporan PT3.

sejak SMK Ranche-Ranche dibuka pada tahun 2013. Saya ucapkan tahniah kepada pelajar dan terima kasih kepada guru-guru Tingkatan Tiga," kata Pengetua SMK Ranche-Ranche Omar Baki Matusin.

Turut hadir pada majlis itu ialah Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (HEM) Yahya Ahmad Putih, Penolong Kanan Kokurikulum Fauziah Idris dan Yang Dipertua PIBG Morshidi Juanah bersama ibu bapa.

Dalam ucapannya, Omar Baki mengucapkan tahniah kepada pelajar yang telah menunjukkan prestasi terbaik bagi PT3 kali ini.

Katanya walaupun ia pertama kali tetapi keputusan peperiksaan dengan pencapaian GPS 3.26 merupakan satu kejayaan besar kepada sekolah.

"Ini menunjukkan ramai pelajar telah lulus kesemua subjek," katanya.



MUHAMMAD Fazrul (dua kiri) bersama bapanya Fauzi menerima slip keputusan PT3 daripada Omar Baki diperhatikan oleh Yahya Ahmad Putih, Fauziah Idris dan Morshidi Juanah (kanan).

Antara subjek lulus 100 peratus ialah Bahasa Melayu Lisan, Sejarah, Geografi, Bahasa Arab dan KHB, (Teknikal, ERT dan Perdagangan).

Beliau juga mengucapkan tahniah dan penghargaan di atas kesungguhan semua

guru Tingkatan 3 yang gigih membimbing pelajar.

"Semoga usaha cemerlang guru-guru ini akan berterusan dan bertambah baik pada masa akan datang," katanya.

Pada majlis itu, Omar Baki turut menyampaikan taklimat hala tuju cemerlang kepada semua pelajar dengan

menyarankan kepada mereka agar memilih aliran yang betul untuk menyambung pembelajaran.

Jika layak dan berminat, beliau mencadangkan agar pelajar memohon dan meneruskan pembelajaran dalam bidang kemahiran yang bersesuaian di Kolej Vokasional

Labuan.

La kerana, Kolej Vokasional Labuan menyediakan pembelajaran kemahiran yang sedikit sebanyak akan membantu pelajar memenuhi ruang-ruang pekerjaan di masa akan datang.

Omar Baki juga mengucapkan terima kasih di atas komitmen para ibu bapa yang banyak membantu sekolah dalam menayakan pelbagai program kecemerlangan pelajar Tingkatan 3 dan berharap perhatian dan komitmen seumpama itu akan berterusan di masa akan datang.

Beliau juga memberi nasihat agar pelajar yang cemerlang akan terus mencemerlangkan sekolah pada peperiksaan SPM tahun 2018 akan datang.

"Mereka yang masih belum cemerlang harus berusaha ke arah itu kerana SPM adalah penentu kepada kelangsungan sistem pembelajaran mereka di masa akan datang," katanya.

Omar Baki berkata SMK Ranche-Ranche akan terus berusaha gigih untuk mencapai GPS yang lebih baik pada tahun hadapan seperti yang disarankan oleh Pengarah Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan Raisin Saidin.